



AFFIN Takaful myWealth Secure

Pelan perlindungan *versatil* untuk perancangan masa depan

 **AFFIN ISLAMIC**

sentiasa untuk anda

☎ 03-8230 2222    AffinMy  AffinAlways.com

Tertakluk kepada terma dan syarat.

Affin Islamic Bank Berhad 200501027372 (709506-V)

Ahli PIDM





AFFIN Takaful *myWealth Secure*

Mulakan perjalanan kestabilan kewangan yang memelihara masa depan dengan membina keselamatan kewangan untuk diri anda dan orang yang tersayang. Dengan AFFIN Takaful *myWealth Secure*, anda boleh mendapat kemudahan dan kestabilan bayaran tunai tahunan di bawah tempoh pembayaran caruman jangka pendek.

Manfaat Utama



Tiada Pengunderaitan Perubatan

Anda tidak perlu risau tentang tahap kesihatan anda kerana pelan ini tidak memerlukan pemeriksaan perubatan.



Tempoh Caruman yang Pendek dan Fleksibel

Pembayaran jangka pendek membolehkan anda menguruskan perancangan kewangan anda sambil dilindungi selama 15 tahun.



Manfaat Tunai Terjamin

Anda akan menerima bayaran tunai tahunan sehingga 160% daripada Jumlah Perlindungan! Anda boleh memilih untuk melabur semula dan membiarkan wang berkembang untuk potensi pulangan yang lebih tinggi. Bayaran tunai tahunan dibayar sehingga akhir tempoh matang atau kematian/Keilatan Menyeluruh dan Kekal (KMK) atau serahan, yang mana berlaku terlebih dahulu.

Akhir Tahun Sijil	Manfaat Tunai Terjamin (MTT) (% daripada Jumlah Perlindungan)	
	Tempoh Bayaran Caruman: 3 Tahun	Tempoh Bayaran Caruman: 5 Tahun
1 - 4	5%	10%
5	30%	35%
6 - 9	5%	10%
10	55%	85%
11 - 14	5%	10%
15 (Matang)	105%	160%



Hibah Takaful: Hadiah Kasih Sayang

Diterjemahkan sebagai 'hadiah' atau 'warisan', merujuk kepada pemindahan pemilikan aset daripada penderma kepada penerima tanpa sebarang pertimbangan, suatu perbuatan yang digalakkan dalam Islam.

Hibah membolehkan penderma mengagihkan lebih banyak kekayaan mereka kepada sesiapa sahaja yang mempunyai pertalian darah atau tidak, tanpa mengira bangsa dan agama, manakala melalui Faraid, hanya waris sah yang layak menerima harta pusaka.

Manfaat Utama



Perlindungan Daripada Kejadian Tidak Dijangka

Ketenangan fikiran untuk anda dan keluarga anda. Menjamin keselamatan kewangan anda sekiranya berlaku kejadian yang tidak diingini dengan pembayaran manfaat seperti berikut:

Kejadian	Manfaat Dibayar*	
Kematian / KMK bukan disebabkan oleh kemalangan	100%	daripada jumlah perlindungan; atau jumlah caruman yang diterima ditolak MTT yang dibayar (yang mana lebih tinggi)
Kematian / KMK disebabkan oleh kemalangan	200%	
Kematian / KMK disebabkan oleh kemalangan ketika berada di luar negara	300%	
	+ baki dalam Akaun Peserta (AP) (jika ada)	

**Manfaat KMK haruslah sebelum umur 70 tahun pada hari lahir berikutnya. Bagi kematian disebabkan oleh sebab-sebab yang tidak disengajakan (termasuk semasa berada di luar negara) yang berlaku pada atau selepas ulang tahun ke-70 berikutnya, pembayaran manfaat adalah terhad kepada 100%.*



Manfaat Khairat Kematian

Meringankan beban keluarga sekiranya berlaku kematian dengan 10% daripada jumlah perlindungan sebagai elaun khairat kematian sekiranya orang yang dilindungi meninggal dunia.



Manfaat Kematangan

Dapatkan baki nilai tunai dalam Akaun Peserta (AP) dan Akaun Manfaat Dijamin (AMD) secara sekaligus apabila sijil matang.

Ciri-ciri Pelan

Jenis	Butiran												
Umur kemasukan	Umur Orang yang Dilindungi adalah dari 14 hari hingga 65 tahun. Jika anda mengambil bahagian dalam pelan ini untuk pasangan atau anak-anak anda, umur anda mestilah berumur 19 tahun ke atas. <i>Nota: Umur di atas merujuk kepada Umur Hari Lahir Akan Datang</i>												
Jumlah perlindungan	<table><tr><th>Umur Kemasukan (Hari Jadi Akan Datang)</th><th>14 hari- 60 tahun</th><th>61 tahun- 65 tahun</th></tr><tr><td>Minimum Jumlah Perlindungan</td><td>RM10,000</td><td>RM10,000</td></tr><tr><td>Maksimum Jumlah Perlindungan</td><td>RM500,000</td><td>RM250,000</td></tr></table>	Umur Kemasukan (Hari Jadi Akan Datang)	14 hari- 60 tahun	61 tahun- 65 tahun	Minimum Jumlah Perlindungan	RM10,000	RM10,000	Maksimum Jumlah Perlindungan	RM500,000	RM250,000			
Umur Kemasukan (Hari Jadi Akan Datang)	14 hari- 60 tahun	61 tahun- 65 tahun											
Minimum Jumlah Perlindungan	RM10,000	RM10,000											
Maksimum Jumlah Perlindungan	RM500,000	RM250,000											
Tempoh perlindungan	15 tahun												
Tempoh pembayaran caruman	3 atau 5 tahun												
Kadar caruman	Bergantung pada jumlah perlindungan dan mod pembayaran dan caruman anda, jumlah caruman yang perlu anda bayar berbeza mengikut kesesuaian. <table><tr><th>Mod Pembayaran</th><th>Kadar Caruman (RM) (per RM1,000 Jumlah Perlindungan)</th></tr><tr><td>Bulanan</td><td>62.50</td></tr><tr><td>Suku tahunan</td><td>187.50</td></tr><tr><td>Setengah tahunan</td><td>375.00</td></tr><tr><td>Tahunan</td><td>750.00</td></tr></table>			Mod Pembayaran	Kadar Caruman (RM) (per RM1,000 Jumlah Perlindungan)	Bulanan	62.50	Suku tahunan	187.50	Setengah tahunan	375.00	Tahunan	750.00
Mod Pembayaran	Kadar Caruman (RM) (per RM1,000 Jumlah Perlindungan)												
Bulanan	62.50												
Suku tahunan	187.50												
Setengah tahunan	375.00												
Tahunan	750.00												
Tabarru'	<i>Tabarru'</i> merujuk kepada derma, dimana di bawah pelan ini, peserta menderma sebahagian daripada caruman mereka untuk membantu peserta lain. Semasa tempoh perlindungan, <i>Tabarru'</i> ditetapkan sebagai peratusan daripada caruman bulanan kasar untuk semua peringkat umur. Menurut carta di bawah, ia berbeza berdasarkan tempoh pembayaran caruman anda: <table><tr><th>Tempoh Pembayaran Caruman</th><th><i>Tabarru'</i> (sebagai % daripada caruman bulanan kasar)</th></tr><tr><td>3 tahun</td><td>0.6%</td></tr><tr><td>5 tahun</td><td>0.9%</td></tr></table>			Tempoh Pembayaran Caruman	<i>Tabarru'</i> (sebagai % daripada caruman bulanan kasar)	3 tahun	0.6%	5 tahun	0.9%				
Tempoh Pembayaran Caruman	<i>Tabarru'</i> (sebagai % daripada caruman bulanan kasar)												
3 tahun	0.6%												
5 tahun	0.9%												

Bagaimanakah Pelan Ini Berfungsi?



Tempoh Caruman

Anda boleh memilih tempoh pembayaran caruman anda selama 3 tahun atau 5 tahun



Manfaat Tunai Terjamin

Anda akan menerima jumlah Manfaat Tunai Terjamin setiap tahun dan jumlah ini boleh dikeluarkan atau disimpan untuk pengumpulan



Perlindungan

Perlindungan terhadap Kematian atau Keilatan Menyeluruh dan Kekal, dengan 10% elaun khairat kematian untuk manfaat kematian



Kematangan

Pada akhir tahun sijil ke-15, anda akan menerima jumlah nilai tunai (jika ada) jika tiada tuntutan dibuat


Senario

Ini Adam, berumur 40 tahun dan sudah berkahwin. Beliau merancang untuk pergi bercuti sempena ulang tahun pada usia 55 tahun bersama isteri dan anaknya. Beliau berimpian untuk bercuti di negara Eropah. Adam memutuskan untuk mendaftar untuk pelan AFFIN Takaful *myWealth* Secure bagi memenuhi impiannya.

Caruman Tahunan : RM 11,250
Jumlah Caruman (5 tahun) : RM 56,250
Jumlah Perlindungan (Kematian/TPD) : RM 15,000
Tempoh Pembayaran : 5 tahun
Tempoh Perlindungan : 15 tahun



Akhir Tahun Sijil	MTT (% daripada Jumlah Perlindungan)	
	Tempoh Pembayaran Caruman : 5 Tahun	Amaun Manfaat Tunai Terjamin
1 - 4	$10\% \times 4$	$RM\ 1,500 \times 4 = RM\ 6,000$
5	35%	RM 5,250
6 - 9	$10\% \times 4$	$RM\ 1,500 \times 4 = RM\ 6,000$
10	85%	RM 12,750
11 - 14	$10\% \times 4$	$RM\ 1,500 \times 4 = RM\ 6,000$
15 (Matang)	160%	RM 24,000



Adam akan menerima RM 81,140.53* pada tahun sijil ke-15

** Nota: Jumlah MTT ditambah Akaun Peserta, dengan andaian kadar pelaburan kasar pulangan 5% setahun dengan pilihan pengumpulan. Unjuran yang diilustrasikan di atas adalah dibawah andaian kadar pelaburan kasar pulangan sebanyak 5% setahun untuk Akaun Peserta.*

Caj dan Yuran

Yuran *Wakalah*

Wakalah merujuk kepada kontrak di mana satu pihak sebagai prinsipal memberi kuasa kepada pihak lain untuk bertindak bagi pihaknya untuk melaksanakan tugas tertentu dalam perkara yang boleh diwakilkan. Di bawah pelan ini, kami telah diberi kuasa untuk menguruskan pelan anda dan sebagai balasan, kami akan menerima Yuran *Wakalah* untuk perkhidmatan kami.

Yuran *Wakalah* akan ditolak (caj pendahuluan) mengikut peratusan caruman berdasarkan jadual di bawah :

Tahun	Yuran <i>Wakalah</i> (sebagai % daripada Caruman)	
	Tempoh Pembayaran Caruman : 3 Tahun	Tempoh Pembayaran Caruman : 5 Tahun
1	20%	25%
2	10%	20%
3	10%	10%
4	Tiada	5%
5	Tiada	5%
Jumlah	40%	65%

Yuran *Wakalah* untuk tambah nilai caruman tunggal adalah 5% daripada caruman.

Yuran Pengeluaran

Tiada Caj

Yuran Perkhidmatan

Tiada Caj

Yuran Penyerahan

Tiada Caj

Nota Penting

1. Takaful adalah skim bantuan bersama berdasarkan prinsip-prinsip perpaduan, persaudaraan dan kerjasama. Setiap peserta bersetuju untuk menyumbang berdasarkan *Tabarru'* (derma) ke dalam dana kumpulan, iaitu Akaun Khas Peserta, yang akan digunakan untuk membantu satu sama lain. *Tabarru'* merujuk kepada derma, dimana di bawah pelan ini, peserta menderma sebahagian daripada caruman mereka untuk membantu peserta lain. Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad ("Takaful Malaysia") akan melabur dan menguruskan dana ini bagi pihak peserta dengan strategi pelaburan yang mematuhi prinsip Syariah.
2. Anda harus berpuas hati bahawa pelan ini dapat memenuhi keperluan anda dan caruman yang perlu dibayar untuk pelan ini adalah amaun yang anda mampu.
3. Jumlah bayaran manfaat disebabkan kematian atau KMK tidak kurang daripada baki di dalam Akaun Manfaat Terjamin (AMT).
4. Pembayaran MTT adalah terjamin kerana sebarang kekurangan dalam pembayaran MTT akan dibayar daripada Akaun Khas Peserta berdasarkan konsep *Tabarru'* (derma) dan ta'awun (kerjasama) di kalangan peserta. Walau bagaimanapun, MTT tidak akan dijamin jika anda tidak membuat caruman lebih dari tiga (3) bulan berturut-turut.
5. Jika anda memilih untuk pengumpulan MTT tahunan dengan Takaful Malaysia, MTT tersebut akan diagihkan kepada AP dan akan dibayar bersama baki di dalam AP apabila berlaku kematian, KMK, serahan atau matang, yang mana berlaku dahulu.
6. Jumlah prinsipal dan keuntungan pelaburan yang terhasil daripada Akaun Peserta dan AMT tidak dijamin dan akan berdasarkan prestasi dana sebenar.
7. Risiko pelaburan ditanggung sepenuhnya oleh anda dan manfaatnya mungkin kurang daripada jumlah caruman anda yang bayar.
8. Anda dinasihatkan untuk membuat bayaran caruman secara berkala untuk menikmati perlindungan berterusan. Sijil anda akan luput dan tiada perlindungan akan diberikan apabila baki anda dalam AMD dan AP telah habis.
9. Anda mungkin menerima jumlah nilai akaun (jika ada) semasa penyerahan atau kematangan, yang mungkin kurang daripada jumlah caruman yang telah anda bayar.
10. Sebarang semakan yuran dan caj atau caruman akan dibuat pada ulang tahun sijil, dan Takaful Malaysia akan maklumkan kepada anda dengan memberi notis seawal tiga puluh (30) hari.
11. Terdapat tempoh penelitian percuma selama lima belas (15) hari kalendar dari tarikh penghantaran e-Sijil untuk anda menyemak dan memutuskan sama ada anda ingin meneruskan pelan tersebut. Jika anda ingin membatalkan pelan, anda boleh melakukannya dalam tempoh penelitian percuma dan anda boleh mendapat bayaran balik penuh bagi caruman yang telah dibayar.
12. Pengecualian dan had manfaat yang dinyatakan tidak lengkap. Takaful Malaysia dengan ini menafikan sebarang liabiliti dalam apa jua bentuk sekiranya anda mengalami kerugian hanya dengan bergantung kepada maklumat yang terkandung di sini.
13. Anda mungkin layak mendapat pelepasan cukai pendapatan di bawah kategori Takaful keluarga (hayat) dan pendidikan. Pelepasan cukai adalah tertakluk kepada kelulusan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

Pengecualian

Pelan ini tidak melindungi mana-mana situasi berikut:

Kematian yang disebabkan oleh bunuh diri dalam tahun pertama dari tarikh sijil berkuat kuasa atau tarikh pada tarikh pengembalian semula sijil.

Keilatan Menyeluruh dan Kekal yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan yang oleh:

- i. Cubaan membunuh diri atau mencederakan diri sendiri semasa waras atau tidak siuman.
- ii. Melakukan atau cuba melakukan kesalahan jenayah oleh orang yang dilindungi.
- iii. Penyalahgunaan dadah atau perangsang atau komplikasinya.
- iv. Peperangan atau tindakan agresif, termasuk pencerobohan, tindakan negara asing, tindakan musuh (sama ada dengan atau tanpa pengisytiharan perang), perang saudara, pemberontakan, revolusi, rusuhan, campur tangan pihak berkuasa tentera atau rampasan kuasa.
- v. Melibatkan diri dalam sukan profesional, selam skuba, apa-apa jenis perlumbaan, penerbangan udara selain sebagai anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang pada pesawat komersial yang membawa penumpang berlesen yang beroperasi di laluan yang dijadualkan secara tetap atau sebarang aktiviti berbahaya atau sukan (termasuk lompat bungee, luncur gantung, belon, payung terjun dan terjun langit), melainkan Takaful Malaysia bersetuju dalam pengesahan khas.
- vi. Sebarang syarat sedia ada yang tidak didedahkan kepada Takaful Malaysia tentang status kesihatan orang yang dilindungi.
- vii. Sebarang gangguan kongenital, trauma kelahiran dan komplikasi bakinya, untuk sijil atau lampiran yang diluluskan semasa orang yang dilindungi masih dalam kandungan.

Untuk maklumat terperinci, sila rujuk pada sijil, yang menyediakan butiran komprehensif mengenai perlindungan dan pengecualian pelan ini.

Brosur ini adalah untuk maklumat am sahaja dan bukanlah satu kontrak produk ini. Anda dinasihatkan untuk merujuk ilustrasi manfaat dan helaian keterangan produk bagi mendapatkan maklumat terperinci berkenaan ciri-ciri penting dan manfaat-manfaat pelan untuk kefahaman sebelum menyertai pelan ini.

AFFIN Takaful *myWealth Secure* merupakan produk yang patuh Syariah.



Pelan ini diedarkan oleh:

Affin Islamic Bank Berhad 200501027372 (709506-V)

Aras 19, Menara AFFIN Lingkaran TRX,
Tun Razak Exchange, 55188 Kuala Lumpur.

Untuk menyertai, sila hubungi **03-8230 2222**, kunjungi mana-mana cawangan kami atau layari **AffinAlways.com** untuk keterangan lanjut serta terma dan syarat.

Pelan ini diuruskan oleh:



Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad 198401019089 (131646-K)

Dilisenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Tingkat 27, Blok Annexe, Menara Takaful Malaysia,
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.

www.takaful-malaysia.com.my

TAKAFUL MALAYSIA ADALAH AHLI PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (PIDM). SEBAGAI AHLI PIDM, SEBAHAGIAN DARIPADA MANFAAT YANG DILINDUNGI DI BAWAH SIJIL TAKAFUL YANG DITAWARKAN OLEH TAKAFUL MALAYSIA ADALAH DILINDUNGI DARIPADA KERUGIAN SAMA ADA SEBAHAGIAN ATAU KESELURUHAN DARIPADA MANFAAT TAKAFUL OLEH PIDM, SEKIRANYA BERLAKU KEGAGALAN KEPADA AHLI PENGENDALI TAKAFUL. MANFAAT YANG BOLEH DIBAYAR DI BAWAH SIJIL YANG LAYAK DILINDUNGI OLEH PIDM SEHINGGA HAD. SILA RUJUK RISALAH TIPS PIDM ATAU HUBUNGI TAKAFUL MALAYSIA ATAU PIDM (LAWATI WWW.PIDM.GOV.MY) ATAU HUBUNGI TALIAN BEBAS TOL PIDM (1-800-88-1266).